

D381

UB936 A A B
MAHATHIR - CHOGM R R R

KUALA LUMPUR, 26 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA BERHARAP MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOHIANWEL (CHOGM) DI SINI BULAN DEPAN MEMBERI TUMPUAN TERHADAP ISU ALAM SEKITAR SERTA MERUMUSKAN PENDIRIAN PERTUBUHAN ITU MENGENAINYA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, SOAL ALAM SEKITAR KINI MENARIK PERHATIAN DUNIA DAN KOMANWEL PERLU MEMPUNYAI PENDIRIANNYA DENGAN MENGAMBIL KIRA SEHUA FAKTOR TERMASUK KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA KECIL YANG BERGANTUNG KEPADA SUMBER ALAM UNTUK PENDAPATAN.

BELIAU BERKATA, PERSOALAN ALAM SEKITAR SEHARUSNYA DIPIKUL OLEH SEHUA NEGARA, KAYA DAN MISKIN. TETAPI YANG KAYA HENDAKLAH MEMIKUL BEBAN YANG LEBIH DARIPADA YANG MISKIN.

+MISALNYA, KITA DITUDUH HENGAKIBATKAN LAPISAN OZON MENJADI NIPIS KONONNYA KERANA KITA MENEBANG POKOK TETAPI DI NEGARA KAYA, MEREKA YANG MEMPUNYAI WANG TIDAK LANGSUNG BERUSAHA MENANAM POKOK, + KATANYA PADAPERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEHPENGERUSIKAN MESYUARAT PANEL PENASIHAT CHOGM DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

BELIAU BERKATA, NEGARA-NEGARA MAJU LEBIH BANYAK MENGGUNAKAN MINYAK DAN +KLOOROFLOOROKARBON+ (CFC) DARIPADA NEGARA LAIN TETAPI TIDAK ADA USAHA UNTUK MEMPERBAIKI INDUSTRI MEREKA SUPAYA HENGURANGKAN PENCEHARAN. -- LAGI.

1441HST 26 09 89

D396

U.B946 A A B
HAHATHIR - CHOGH 2 KUALA LUHPUR R R R

NEGARA-NEGARA BERKENAAN LEBIH MEMBERI PENEKANAN KEPADA SOAL PENEBAANGAN HUTAN TETAPI HALAYSIA BUKAN SAHAJA HELAKUKAN PENEBAANGAN MALAH HENANAH SEHULA KAUASAN HUTAN YANG DIUSAHAKAN, KATANYA DAN MENAMBAH BAHUA KAUASAN HUTAN DI NEGARA MAJU KINI IBARAT +PADANG JARAK PADANG TERKUKUR+.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, HALAYSIA AKAN MENEGASKAN KEPADA MESYUARATITU TEHTANG PENTINGNYA KEAHANAN DUNIA, SIKAP LIBERAL DALAM PERDAGANGAN, MENGURANGKAN DASAR PERLINDUNGAN, LEBIH BANYAK PASARAN TERBUKA, MEMPERBANYAKKAN BANTUAN UNTUK NEGARA MISKIN, MASALAH DI AFRIKA SELATAN SERTA PERANAN KOHANWEL UNTUK MEMERANGI DADAH.

BELIAU BERHARAP MESYUARATITU DAPAT MENGHASILKAN GARIS PANDUAN DAN TINDAKAN BERSAHA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA DALAM MENGHADAPI PERSOALAN ITU.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA SEGELINTIR NEGARA ANGGOTA MENGUASAI PERTUBUHAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, IA LEBIH MERUPAKAN ANGGAPAN SALAH KERANA SEHUA MEMPUNYAI PELUANG YANG SAHA UNTUK BERSUARA.

MENURUTNYA, ANGGAPAN ITU WUJUD DISEBABKAN HEDIA LEBIH BERHINAT MENONJOLKAN UCAPAN DAN PENDAPAT SESEORANG PEMIMPIN TERKENAL SAHAJA WALAUPUN PERKARA ITU TELAH DIBANGKITKAN OLEH PEMIMPIN NEGARA-NEGARA KECIL SEBELUHNYA. -

-- LAGI.

1509MST 26 09 89

UB947 A A B
MAHATHIR - CHOGM 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, SOAL ANTARTIKA MULA DIBANGKITKAN OLEH MALAYSIA TETAPI TIDAK MENDAPAT PERHATIAN DUNIA KERANA PANDANGAN NEGARA TIDAK DIBERI PENDEDAHAN MEDIA.

BELIAU JUGA MENJANGKAKAN SOAL PASARAN TUNGGAL EROPAH PADA 1992 AKAN DIBANGKITKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN KOMANWEL TERUTAMA MENGENAI PERANAN BRITAIN UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA PERTUBUHAN ITU.

TAMBAHNYA, HALAYSIA SEPERTI MESYUARAT-MESYUARAT LEPAS AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN TERHADAP ISU PERDAGANGAN WALAUPUN KEBIASAANNYA TUMPUAN LEBIH BANYAK DIBERI TERHADAP SOAL APARTEID.

BELIAU BERKATA, SEJAK MESYUARAT KOMANWEL YANG LEPAS, REJIM KULIT PUTIH MULA IBERHATI-HATI UNTUK BERTINDAK TERHADAP PENDUDUK KULIT HITAM DAN JUGA DALAM DASAR MEREKA DI NAMIBIA KERANA MEREKA MULAI BERASA KESAN SEKATAN TERHADAP MEREKA, TERUTAMA DARIPADA SEGI EKONOMI.

KETIKA DITANYA PANDANGANNYA TERHADAP KOMANWEL SEKARANG, BELIAU BERKATA: +SAYA AKAN MEMBERI PANDANGAN SAYA PADA PERASMIAN MESYUARAT ITU... KALAU SAYA NYATAKAN SEKARANG, IA TIDAK AKAN MENJADI MENARIK LAGI+. -- LAGI.

1511MST 26 09 89

U B961 A A B

MAHATHIR - CHOCK 4 KUALA LUHPUR (ULANGAN - MEMBETULKAN PARA TIGA)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MESYUARAT JUGA DIJANGKA MENYENTUH SOAL KAMPUCHEA SECARA UMUM SEBAGAI MENYATAKAN PENDIRIANNYA TERHADAP HASALAH DI NEGARA ITU.

MENGENAI PERSIAPAN BAGI HESYUARAT ITU, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PROGRAM DAN PERSIAPAN TERAKHIR BERJALAN DENGAN MEMUASKAN DAN BELIAU YAKIN MESYUARAT ITU DAN LAWATAN RATU ELIZABETH AKAN BERLANGSUNG DENGAN SEMPURNA.

KATANYA, KERAJAAN MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$50 JUTA BAGI MENGATUR PERSIAPAN MESYUARAT TERSEBUT.

HESYUARAT HARI INI YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM TURUT DIHADIRI OLEH MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOR, MENTERI KERJA RAYA DATUK LEO MOGGIE, DATUK BANDAR KUALA LUMPUR DATUK ELYAS OHAR DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED.

YANG TURUT SERTA PADA MESYUARAT ITU YANG MERUPAKAN MESYUAHAT TERAKHIR PANEL ITU MENJELANG CHOGM, IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH MOHD ALI. -- BERNAMA.

1550MST 26 09 89